

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(66)  
Tarikh : 8 Julai 2022

## KENYATAAN MEDIA

### PENANG HILL GALLERY@EDGECLIFF KINI DIBUKA UNTUK PENGUNJUNG!

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) berbesar hati mengumumkan pembukaan Penang Hill Gallery@Edgecliff yang telah lama dinanti-nantikan pada 8 Julai 2022! Ia merupakan tempat yang wajib dikunjungi oleh pengunjung Bukit Bendera, yang merupakan tarikan pelancongan terbaru di atas bukit. Projek ini adalah projek pemuliharaan kedua PBBPP selepas Hillside Retreat yang telah siap dan dirasmikan pada 2018.

Banglo Edgecliff yang tersergam indah adalah banglo warisan kategori II milik kerajaan yang terletak kira-kira 200 meter dari Stesen Atas. Terletak di pinggir tebing, Galeri ini dikelilingi oleh hutan hujan yang tenang dan subur yang terletak di dalam kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera. Lokasinya sangat ideal bagi pengunjung melihat pemandangan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang menakjubkan dan kesibukan bandar Air Itam.

Kini, bangunan antik ini menempatkan pelbagai artifak dan pameran unik yang bertujuan untuk memupuk minat dan pengetahuan mengenai Bukit Bendera; daripada funikular yang ikonik kepada kepelbagaian biodiversiti semula jadi dan aset warisannya. PBBPP dan arkitek perunding, BEu Tan Architect, bekerja keras menyusun pelbagai paparan untuk disusun rapi bagi dipamerkan di 4 ruangan dalam Galeri; setiap satu bertemakan: Funikular, Warisan, Budaya dan Biodiversiti. Untuk memenuhi pelbagai latar belakang pengunjung, kandungan Galeri juga terdapat dalam terjemahan Mandarin, Tamil, Jepun dan Arab - semuanya boleh diakses dengan mudah dengan mengimbas kod QR yang terdapat dalam Galeri menggunakan peranti mudah alih.

Perjalanan yang tidak dapat dilupakan dan menarik bermula dari saat pengunjung menjejakkan kaki ke dalam bangunan melalui Terowong Masa yang akan membawa mereka kembali ke masa lalu. Seterusnya pengunjung dapat mengembara di dalam hutan tertutup di ruangan Biodiversiti diikuti dengan penerokaan beberapa seni bina warisan yang memikat di atas bukit di ruangan Warisan. Perjalanan diteruskan ke galeri Funikular di mana pengunjung dibongkarkan dengan kejayaan kejuruteraan yang hebat dalam membina funikular di atas bukit seabad yang lalu. Akhir sekali, pengunjung boleh menghidupkan semula kehidupan yang meriah di atas bukit semasa mereka menuju/bersiar-siar ke galeri Kebudayaan. Untuk melengkapkan pengalaman, pengunjung boleh membeli-belah cenderamata untuk dibawa pulang sebagai kenang-kenangan di Bukit Bendera.

Sebagai tambahan kepada keseronokan pembukaan galeri ini, PBBPP berbesar hati membawa Ric Francis, pengarang " Penang Hill Funicular Railway: Remembering an Engineering Feat 1923 – 2010" dan "Penang Trams, Trolley-Buses & Railways: Municipal Transport History, 1880s – 1963' dari Perth, Australia bagi menghadiri dan berkongsi pengetahuan tentang keajaiban funikular Bukit Bendera semasa majlis tersebut.

“Bukit Bendera telah wujud sejak ratusan tahun tetapi ramai yang tidak mengetahui kisah dan daya tarikkannya. Penang Hill Gallery@Edgecliff ialah titik permulaan bagi orang ramai mengetahui lebih lanjut mengenai Bukit Bendera dan menikmati pemandangan menakjubkan bandar George Town dan sekelilingnya. Sesuai untuk golongan muda dan tua, galeri ini selari dengan visi **Penang2030**. Kami berharap dapat menarik minat dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan mempelajari dan menghargai khazanah semula jadi dan warisan yang menakjubkan yang boleh ditemui dalam kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera” kata Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow, yang juga merupakan Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

Ia sememangnya merupakan detik yang bersejarah untuk kita semua melihat idea ini menjadi realiti selepas hampir 4 tahun kerja-kerja pemulihan dijalankan. PBBPP ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri atas sokongan padu dan pasukan projek yang meluangkan masa berjam-jam untuk menjadikan tempat ikonik ini menjadi kenyataan. Tidak dilupakan juga kepada penyumbang yang bermurah hati berkongsi ilmu dan artifak yang berharga dengan PBBPP. Galeri ini unik kerana ia menunjukkan ciri pembangunan yang lestari dengan usaha konservatif hijau termasuk penggunaan panel solar, sistem pengumpulan/penuaian air hujan dan pencahayaan sensor gerakan automatik. PBBPP amat menghargai sumbangan panel solar daripada First Solar Malaysia Sdn Bhd dalam menyokong inisiatif amalan hijau PBBPP. Tambahan lagi, bangunan bersejarah ini merupakan projek pertama di Malaysia yang memperoleh pensijilan “*Non-Residential Existing Building (NREB): Historic Building Tool certification from Green Building Index*” kata Pengurus Besar PBBPP, Dato’ Cheok Lay Leng.

Sebagai sebahagian daripada misi PBBPP untuk mendidik orang ramai mengenai Bukit Bendera, bayaran masuk ke Galeri ditetapkan pada kadar minima. Tiket berharga RM10/seorang untuk dewasa dan RM5/seorang untuk kanak-kanak dan warga emas berumur 60 tahun ke atas. Orang kelainan upaya dan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun adalah percuma. Buat masa ini, pengunjung boleh membuat pembelian tiket di kaunter tiket Penang Hill Gallery@Edgecliff.

Penang Hill Gallery@Edgecliff beroperasi setiap hari dari jam 9.00 pagi sehingga 4.30 petang kecuali hari Selasa. Jualan tiket terakhir adalah pada jam 3.45 petang. PBBPP boleh menjadualkan semula penutupan mingguan tertakluk kepada jadual penyelenggaraan berkala funikular. Pengunjung dinasihatkan untuk mengikuti

halaman media sosial PBBPP (Facebook, Instagram dan Twitter) untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai waktu operasi.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke [inquiries@penanghill.gov.my](mailto:inquiries@penanghill.gov.my)

#TAMAT#

---

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Ahmad Aizat bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[lltan@penanghill.gov.my](mailto:lltan@penanghill.gov.my)